

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 MEI 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 2

Pulih ekonomi, jaga kebajikan rakyat

Pulih ekonomi, jaga kebajikan rakyat

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan mengenal pasti tiga masalah fiskal yang perlu ditangani bagi menambah baik pengurusan wang awam dan mengelak negara daripada terus dibelenggu bebanan paras hutang mencecah RM1.2 trilion.

ia melibatkan asas hasil yang kecil atau kutipan cukai ren-

Kerajaan fokus tangani tiga masalah fiskal

dah, perbelanjaan tidak berhemat seperti pelaksanaan subsidi pukal dan bebanan hutang. Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim ketika Perutusan Negara lebih 40 minit kelmarin berkata, kerajaan mula memperluas asas hasil melalui reformasi percukaian yang tidak membebankan rakyat dan bersifat progresif.

Katanya, ia seperti Cukai Barang Bernilai Rendah, Cukai Keuntungan Modal Bagi Saham Tidak Tersenarai dan penambahbaikan kepada Cukai Perkhidmatan dengan unjuran

peningkatan hasil cukai negara sebanyak RM4.5 bilion.

“Setakat 2023, nisbah hasil cukai kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah pada paras 12.6 peratus jauh lebih rendah berbanding purata negara Asia Pasifik sebanyak 19 peratus dan negara berpendapatan tinggi yang menjangkau 30 peratus,” katanya.

Bersambung di muka 2

Pulih ekonomi, jaga kebajikan rakyat

Dari muka 1

Perdana Menteri berkata, perbelanjaan tidak berhemat seperti subsidi pukal juga perlu ditangani kerajaan bagi menambah baik pengurusan wang awam.

Beliau berkata, pemberian subsidi di Malaysia antara tertinggi di dunia sedangkan subsidi pukal lebih menguntungkan golongan kaya kerana penggunaan atau perbelanjaan mereka bagi suatu barang dan perkhidmatan lebih besar.

"Seramai 3.5 juta warga asing juga mendapat faedah daripada subsidi pukal," katanya.

Justeru katanya, kerajaan bersetuju melaksanakan penyesaran subsidi ke atas bahan api diesel di samping tidak membebankan keseluruhan rakyat.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengambil pendekatan berani untuk menyasarkan semula subsidi seperti bahan api dan elektrik bagi memberi penjimatan kepada wang rakyat yang boleh dibelanjakan untuk kepentingan lain.

Perdana Menteri berkata, kekangan hasil dan perbelanjaan tidak berhemat menyebabkan kerajaan menanggung beban hutang yang kini mencecah RM1.2 trilion atau 64.3 peratus KDNK dan mencecah RM1.5 trilion atau lebih 80 peratus KDNK jika termasuk liabiliti lain.

"Timbunan hutang hanya membazir wang rakyat kerana banyak dihabiskan untuk bayar faedah hutang. Tahun ini, setiap seringgit pungutan cukai, 16 sen hanya untuk membayar faedah hutang, belum lagi bicara soal pokok atau prinsipal hutang," katanya.

Terdahulu, beliau berkata,



ANWAR Ibrahim menyampaikan Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya. - PEJABAT PERDANA MENTERI

dua masalah struktural yang berlaku di Malaysia sejak sekian lama adalah ekonomi rakyat dan ekosistem perniagaan yang hambar serta kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lemah.

Bagi mengatasi masalah itu, kata beliau, antara pendekatan diambil adalah memerangi rasuah, pelaksanaan penyesaran subsidi, reformasi percukaian dan penggabungan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal serta menambah baik ekosistem perniagaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, bagi menyelesaikan permasalahan kedudukan kewangan negara, isu pokok yang terlebih dahulu perlu ditangani segera adalah kelemahan tatakelola dan amalan rasuah yang sistemik serta bermaharajalela.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan menoktahkan amalan rundingan terus dalam perolehan kerajaan yang membazirkan wang rakyat dan terdedah ke-

pada rasuah serta beralih ke sistem tender terbuka.

"Hasil ketirisan daripada amalan penyelewengan dan rasuah amat bermakna kerana sekiranya dikumpul, ia dapat dimanfaatkan untuk menambah bantuan rakyat dan meningkatkan mutu prasarana rakyat," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Malaysia bukan sahaja telah terperangkap dalam kitaran ekonomi berbahaya, kos tinggi, gaji rendah dan keuntungan rendah malah kurang nilai daya saing.

"Maka, tugas sekarang adalah untuk menambah baik ekosistem perniagaan. Bidang pertumbuhan dan bernilai tinggi diberi keutamaan dalam meraih lebih banyak pelaburan masuk ke dalam ekonomi negara," katanya.

Kata Anwar, segala perancangan perubahan kerajaan tidak berlaku dan bermakna jika masih dibelenggu pemikiran sempit serta tidak berikhtiar untuk berubah.